

# Mangsa banjir menurun 61,034 orang

**KUALA LUMPUR** – Keadaan banjir di enam buah negeri kecuali Sabah semakin pulih apabila jumlah mangsa menurun kepada 61,034 orang berbanding 77,681 kelmarin.

Hanya seramai 9,957 mangsa masih berada di 99 pusat pemindahan di Kelantan berbanding 24,020 orang kelmarin.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir negeri memberitahu, jumlah mangsa yang direkodkan ialah Tanah Merah dengan 1,668 orang, Kuala Krai (3,636), Gua Musang (2,154), Machang (2,419) dan 80 orang di Tumpat.

Mangsa banjir di Perak juga menurun sedikit kepada 6,775 orang berbanding 6,881 orang kelmarin.

**Di Terengganu**, jumlah mangsa kekal 143 orang dengan hanya satu pusat pemindahan dibuka iaitu di Dungun.

**Di Pahang**, jumlah mangsa banjir masih sebanyak 42,938 orang di 187 pusat pemindahan dalam tujuh daerah yang terjejas.

Jumlah mangsa yang direkodkan ialah Temerloh dengan 20,962 orang, Pekan (11,063), Jerantut (3,792), Bera (3,479), Maran (2,168), Kuantan (1,074) dan 400 orang di Lipis.

**Di Johor**, mangsa banjir kekal 116 orang daripada 24 keluarga dengan enam pusat pemindahan iaitu satu di Batu Pahat dan lima di Segamat.

Berbeza **di Sabah**, jumlah mangsa meningkat sedikit kepada 1,105 orang berbanding 910 orang kelmarin dan mereka ditempatkan di lima pusat pemindahan di tiga daerah.

Daerah Kota Belud mencatat jumlah mangsa tertinggi iaitu 821 orang, diikuti Kudat (265) dan 19 orang di Pitas.